

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, June 3, 2019 12:46 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bingkisan Raya Tingkatkan Rangkaian Kerjasama UUM Dan Media



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 JUN 2019 / 29 RAMADAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

BINGKISAN RAYA TINGKATKAN RANGKAIAN KERJASAMA UUM DAN MEDIA



UUM ONLINE: Bagi mengeratkan lagi ukhwah antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan pengamal media khususnya di negeri Kedah, UUM Corporate Communication telah mengunjungi agensi media di Alor Setar sempena Media Networking and Aidilfitri Gifts, baru-baru ini.

Delegasi yang diketuai Pengarah, Rasidah Rodzi bersama staf UUM Corporate Communication bertemu beberapa orang pengamal media terdiri wartawan, jurukamera dan jurufoto bagi menyampaikan bingkisan Aidilfitri.

Rasidah berkata, dalam kunjungan itu, mereka bukan sahaja menyampaikan tanda ingatan sempena kedatangan Syawal tidak lama lagi, malah turut mengambil peluang tersebut untuk meluaskan rangkaian kerjasama antara UUM dan media Kedah.

“Media banyak memainkan peranan penting dalam mengangkat nama UUM di peringkat tertinggi sehingga terus dikenali di pelosok negara.

“Mereka menjadi wadah kepada universiti untuk menyampaikan agenda dan pencapaian UUM, selain uar-uar aktiviti yang dijalankan sama ada di peringkat pengurusan atau pelajar sendiri,” katanya.

Kata Rasidah lagi, beliau berharap kerjasama erat antara UUM dan media akan terus berkekalan dan dapat menjalinkan kolaborasi yang memberi manfaat kepada kedua pihak pada masa hadapan.

Kunjungan pertama dimulakan di pejabat RTM Kedah, diikuti Bernama, The Star, NSTP Kedah/Perlis, Utusan Malaysia dan Kosmo serta Sinar Harian.

Dalam pertemuan singkat itu juga, warga UUM Corporate Communication mengambil peluang bersoal jawab tentang proses penghasilan berita sehingga ia disiarkan di media cetak, elektronik dan media sosial.

Tidak dilupakan bingkisan Aidilfitri kepada pengamal media di Kuala Lumpur yang disampaikan Penolong Pengarah Kanan, Seksyen Media, Siti Zaleha Ahmad Nadzim.

Sementara itu, kunjungan ke pejabat agensi media di Alor Setar turut disertai Pensyarah Kanan Program Teknologi Media, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Azahar Kasim yang mengadakan kempen bagi program Sarjana Kewartawanan Multimedia kepada pengamal media.

Beliau menerangkan tentang subjek Multimedia Newsroom Management dan Advanced Online Journalism.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.